

# Kerajaan akan hapuskan LTTE

Anggota LTTE 2.0 bakal ditangkap kerana masih dianggap pengganas

Oleh NOORAINON MOHAMED YUSOF

LARUT

**K**erajaan akan menggempur kumpulan pengganas yang masih bertapak di negara ini terutama Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) 2.0 yang mengugut akan menembak mati Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador.

Menyatakan demikian Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata, pihaknya akan memastikan ahli kumpulan itu ditangkap dan dihapuskan berikutan tindakannya yang mebelakangkan undang-undang negara.

Menurutnya, LTTE masih disenaraikan sebagai kumpulan pengganas di negara ini.

“Kita sudah memaklumkan kepada semua bahawa Akta Hasanutan masih lagi ada.

“Kita akan menggunakan beberapa kaedah melalui Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Pencegahan Jenayah (POCA) dalam memastikan kumpulan pengganas yang ada dalam negara akan kita tentang

**UGUTAN TEMBAK  
KETUA POLIS  
NEGARA**

habis-habisan.

“Mengapa berani sangat hendak ugut. Kita kena sedar negara ini mempunyai undang-undang.

“Kalau mereka mengatakan mereka bebas melakukan segalagalanya, saya juga ingin memaklumkan bahawa mereka masih tersenarai sebagai kumpulan pengganas dalam negara,” katanya pada sidang akhbar sempena majlis sumbangan kepada 146 mangsa banjir di Dewan Semai Bakti Felda Ijok di sini semalam.

Hamzah bagaimanapun berkata, beliau meminta Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya berhati-hati dalam melaksanakan tugas menghapuskan kumpulan pengganas berkenaan.



HAMZAH

“Saya minta PDRM supaya berhati-hati dalam memastikan kumpulan ini diserang habis-habisan,” katanya.

Isnin lalu, seorang lelaki mendakwa dirinya ketua komander kumpulan pengganas LTTE 2.0 mengugut mahu menyerang Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan Kementerian Pertahanan.

Individu terbabit yang menghantar ugutannya melalui e-mel kepada pihak media turut mendakwa akan menyerang Sri Lanka selepas serangan itu.

Susulan itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, polis sedang memburu seorang lelaki dikenali sebagai Sebastian yang dipercayai membuat ugutan tersebut.

Beliau berkata, PDRM membuka kertas siasatan berhubung kes berkenaan dan sedang mengesan suspek.